



30 Disember 2011
30 December 2011
P.U. (A) 435

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2011

PUBLIC OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB)
(PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pindaan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Pindaan peraturan 41

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 41–

(a) dalam subperaturan (1)–

(i) dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Tatatertib” dengan perkataan “Tertakluk kepada subperaturan (6), Pihak Berkuasa Tatatertib”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “secara mendatar dalam peringkat gaji yang sama” dengan perkataan “dalam jadual gaji yang sama bagi pegawai yang diperuntukkan mata gaji”; dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan perkataan “, dengan syarat hukuman turun gaji tidak boleh menyebabkan pegawai menerima gaji kurang daripada gaji minimum yang ditentukan

bagi gred jawatan yang disandang oleh pegawai” selepas perkataan “tiga pergerakan gaji”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“ (5) Bagi maksud perenggan (1)(b), pegawai yang gajinya tidak diperuntukkan mata gaji, “pergerakan gaji” adalah bersamaan amaun lima peratus daripada gaji hakiki.

(6) Hukuman turun gaji tidak terpakai ke atas pegawai yang berada di mata gaji minimum atau pegawai lantikan kontrak yang tidak diperuntukkan mata gaji tetapi tidak termasuk pegawai lantikan kontrak yang diberi kenaikan gaji berdasarkan peratusan.”.

Penggantian peraturan 42

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 42 dengan peraturan yang berikut:

“Turun
pangkat. 42. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh mengenakan hukuman turun pangkat ke atas seseorang pegawai dan hukuman itu hendaklah dikenakan dengan—

(a) menurunkan gred pegawai itu ke satu gred yang lebih rendah dalam skim perkhidmatan yang sama; dan

(b) menentukan gaji pegawai itu menggunakan kaedah dalam subperaturan (2).

(2) Kaedah bagi menentukan gaji pegawai yang dikenakan hukuman turun pangkat adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi pegawai yang diperuntukkan dengan mata gaji, gaji pegawai itu hendaklah terlebih dahulu diturunkan sebanyak tiga mata gaji daripada gaji terakhir yang diterima oleh pegawai itu dalam gred hakikinya sebelum hukuman dikenakan, dan kemudian gajinya hendaklah ditentukan pada suatu mata gaji yang lebih rendah, tetapi paling hampir, dalam jadual gaji bagi gred turun pangkat tersebut;
- (b) bagi pegawai yang diperuntukkan dengan mata gaji tetapi berada pada mata gaji tiga atau kurang semasa hukuman dikenakan, gaji terakhir di gred hakikinya sebelum hukuman itu hendaklah ditolak dengan suatu amaun yang bersamaan dengan amaun tiga kali pergerakan gaji di gred hakikinya itu, dan berdasarkan amaun yang diperoleh, gaji pegawai itu hendaklah ditentukan pada suatu mata gaji yang lebih rendah, tetapi paling hampir, dalam jadual gaji bagi gred turun pangkat, atau pada gaji minimum gred turun pangkat jika mata gaji yang paling hampir itu adalah sama atau kurang daripada gaji minimum di gred turun pangkat tersebut;
- (c) bagi pegawai yang tidak diperuntukkan dengan mata gaji, gaji terakhir di gred hakikinya sebelum hukuman dikenakan hendaklah dikurangkan terlebih dahulu amaunnya sebanyak lima belas peratus tanpa mengira sama ada amaun yang telah dikurangkan itu menjadi sama atau kurang daripada gaji minimum di gred sebelum pegawai dikenakan hukuman dan jumlah itu hendaklah menjadi gaji bagi pegawai itu di gred turun

pangkat, dengan syarat sekiranya gaji itu lebih tinggi daripada gaji maksimum di gred turun pangkat, gaji maksimum di gred turun pangkat itu hendaklah menjadi gaji pegawai itu di gred turun pangkat; atau

(d) bagi pegawai yang tidak diperuntukkan dengan mata gaji tetapi telah diturunkan pangkat ke gred yang diperuntukkan dengan mata gaji, gaji hakikinya di gred sebelum hukuman dikenakan hendaklah dikurangkan terlebih dahulu sebanyak lima belas peratus dan kemudian gajinya hendaklah ditentukan pada suatu mata gaji yang lebih rendah, tetapi paling hampir, dalam jadual gaji bagi gred turun pangkat, dan sekiranya mata gaji yang paling hampir itu adalah sama atau kurang daripada gaji minimum di gred turun pangkat, gaji pegawai itu hendaklah ditentukan pada mata gaji minimum gred turun pangkat itu.

(3) Sekiranya hukuman turun pangkat digabungkan dengan hukuman turun gaji, kedua-dua hukuman itu hendaklah dilaksanakan serentak.

(4) Hukuman turun pangkat tidak terpakai ke atas pegawai lantikan terus dan lantikan kontrak.”.

Kecualian dan peralihan

4. Jika sesuatu kesalahan itu berlaku sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, tidak kira sama ada prosiding tatatertib berkenaan dengannya telah dimulakan atau tidak, prosiding bagi kesalahan itu hendaklah dimulakan atau diteruskan di bawah dan dengan menepati Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sebelum dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.